

Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

Persembahan kebudayaan penting untuk menarik minat pelancong. Anda telah terlibat dalam Festival Kebudayaan dan Kesenian yang diadakan baru-baru ini. Tulis sepucuk surat kepada sahabat anda di luar negara untuk bercerita tentang perkara menarik yang anda saksikan di festival tersebut. **SP 3.3.1**

(KBAT) Menganalisis, Mencipta
[30 markah]

kehidupan rakyat Malaysia
sentiasa hormat-menghormati
satu kaum sahaja
mempersembahkan pelbagai bentuk
perbezaan budaya

daripada pelbagai kaum
menyaksikan suasana
merakamkan suasana
sudah pandai menarikan
sungguh meriah

No 406, Blok Mawar A,
Gugusan Mawar, Seksyen 4,
47810 Petaling Jaya.

11 Ogos 2018.

Menemui sahabatku, Endang di Surabaya. Semoga saudara sentiasa sihat sejahtera.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat kali ini adalah untuk bercerita tentang pengalaman saya ketika terlibat dalam Festival Kebudayaan dan Kesenian yang diadakan di sini, minggu lepas.

Suasananya (1) _____. Pelbagai bentuk kebudayaan (2) _____
_____ dipersembahkan dalam festival itu.

Saya sungguh berbangga. Beginilah warna-warni (3) _____.
Kepelbagaian kaum sudah menjadi identiti rakyat Malaysia. Masing-masing mengamalkan
pelbagai budaya dan (4) _____. Itulah sebabnya dalam
festival ini saya seolah-olah melihat (5) _____. Semuanya mengamalkan
budaya yang sama.

Kaum India, Cina, dan Kadazan mempersembahkan tarian zapin dan tarian kuda kepang.
Orang Melayu dan Sikh turut sama dalam tarian singa dan pertunjukan silambam. Saya kini
(6) _____ tarian singa.

Apabila acara utama diadakan, kira-kira seribu orang rakyat Malaysia yang terdiri
daripada pelbagai kaum (7) _____ tarian tradisional. Semua
kaum terlibat dalam semua bentuk tarian tradisional. Saya rasa berbangga kerana
(8) _____ tidak menjadi halangan untuk rakyat Malaysia hidup bersama.

Alangkah baiknya kalau saudara dapat (9) _____ festival ini.
Mungkin suatu hari nanti saudara dapat ke sini. Jangan lupa pula membawa kamera untuk
(10) _____ yang meriah itu.

Berceritalah pula tentang kebudayaan dan kesenian tradisional masyarakat di sana. Ingin
juga saya mendapat pengetahuan tentang kebudayaan kita yang berbeza itu.

Sekian saja untuk kali ini.

Yang benar,
Al Leen